

# NOTIS MESYUARAT AGUNG KAWASAN 2010

Kepada :

SEMUA ANGGOTA KOPERASI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA BERHAD

Tuan / Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG 2010

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Kawasan akan diadakan seperti berikut :-

Kawasan Kuala Lumpur

Tarikh : 19 Mei 2010

Masa : 2.00 petang

Tempat : Dewan Jumaah, UTM International Campus, Kuala Lumpur

Kawasan Johor Bahru

Tarikh : 02 Jun 2010

Masa : 2.00 petang

Tempat : Dewan Sultan Iskandar , Universiti Teknologi Malaysia , Skudai.

Mesyuarat Agung Kawasan ini diadakan selaras dengan peruntukan di bawah perkara 37, Akta Koperasi 1993 ( Akta 502 ) dan Peraturan – Peraturan Koperasi. Menurut subperaturan 14 ( 1 ) Peraturan , Mesyuarat Agung Kawasan hendaklah diadakan sekurang – kurangnya dua tahun sekali , iaitu satu bulan sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan dan hendaklah menimbangkan perkara – perkara berikut :-

- (a) ringkasan :-
  - i) draf akaun; dan
  - ii) akaun teraudit , jika ada, koperasi;
- (b) belanjawan tahunan untuk dibentangkan di dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan;
- (c) cadangan pindaan kepada Undang – Undang Kecil dan
- (d) aturan – aturan aktiviti , jika ada ;
- (e) melantik perwakilan ke mesyuarat agung perwakilan ; dan
- (f) usul daripada Lembaga dan anggota koperasi , jika ada, yang diterima tujuh hari sebelum mesyuarat agung kawasan.

Sehubungan dengan itu , sebarang usul dari anggota adalah dialu – alukan dan usul tersebut hendaklah dikemukakan secara bertulis ke Pejabat Koperasi UTM tidak lewat daripada 08 Mei 2010.

Selain itu, anggota yang berhenti keanggotaannya berdasarkan Undang – Undang Kecil perkara 20 ( 1 ) & ( 2 ) iaitu;

Perkara 20 ( 1 ) – Keanggotaan seseorang anggota berhenti atas sebab – sebab dibawah ini, mengikut mana yang berkenaan:

- (a) mungkir membayar harga syer atau yuran yang dijanjikan tiga bulan berturut – turut dengan tiada kebenaran Lembaga ; atau
- (b) mati ; atau
- (c) dibuang mengikut Undang – Undang Kecil 22 ; atau
- (d) menarik diri mengikut Undang – Undang Kecil 21 ; atau
- (e) tidak memohon untuk mengekalkan keanggotaannya selepas bersara dari jawatannya tanpa membayar yuran modal bulanan tetapi tidak mengeluarkan kumpulan yuran.

( 2 ) – Lembaga hendaklah menyingkir seseorang anggota yang :-

- (a) didapati membuat ingkar palsu di bawah Undang – Undang Kecil 13 ; atau
- (b) hilang kelayakan sebagai anggota di bawah Undang – Undang Kecil 15 ; atau
- (c) berhenti keanggotaannya di bawah perenggan (a) , (c) dan (e) fasa (1) Undang – Undang Kecil ini.

Maka keanggotaannya gugur secara automatic dan hilang hak – haknya sebagai anggota koperasi ini.

Sekian , kerjasama dan perhatian dari tuan / puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

“ Kita Bersama “

Yang benar,  
**KOPERASI UTM BERHAD**



**AZRI BIN HOHAD**  
Setiausaha.

s.k - Pengerusi Koperasi UTM Berhad  
- Bendahari Koperasi UTM Berhad  
- Semua ALK